

12 MAR 1996

Samy-Lebuh raya

LEBUH RAYA "ROUTE 2" RM1,200 JUTA HUBUNG SELURUH NEGARA KE P/KLANG

KUALA KUBU BAHARU, 12 Mac (Bernama) -- Kerajaan sedang mengkaji untuk membina projek baru lebuhraya "Laluan Dua" yang dianggarkan berharga lebih RM1,200 juta dari Pelabuhan Klang ke Kuantan dan Kuala Terengganu bagi menyediakan hubungan darat terus dari seluruh negara ke pelabuhan utama itu.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata rancangan itu sedang dibincangkan di peringkat Jabatan Perdana Menteri untuk diswastakan dalam usaha memastikan industri di luar Lembah Klang menggunakan Pelabuhan Klang untuk mengeksport dan mengimport.

"Dengan adanya lebuhraya ini, Pelabuhan Klang akan lebih mudah dihubungi dari negeri-negeri lain dan membuka peluang penggunaan pelabuhan itu dengan lebih luas," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian persimpangan bertingkat Bukit Beruntung di Serendah dekat sini hari ini.

Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib merasmikan persimpangan itu yang berharga RM34.8 juta yang merupakan persimpangan pertama dibina dan ditanggung kosnya oleh swasta di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan.

Samy Vellu berkata lebuhraya Laluan Dua itu tidak termasuk dalam projek kerajaan bagi Rancangan Malaysia Ketujuh kerana ia merupakan projek swasta.

Beliau berkata lebuhraya itu penting bagi mengelakkan pengeksport dan pengimport menggunakan pelabuhan di luar Malaysia untuk urusan mereka, selaras dengan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Pelabuhan Klang digunakan sepenuhnya.

Katanya, Laluan Dua itu juga akan bersambung dengan lebuhraya lain yang sedia ada di tempat-tempat yang sesuai bagi memudahkan pengaliran trafik.

Samy Vellu berkata untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di Petaling Jaya pula, Jemaah Menteri baru-baru ini meluluskan projek Jalan Puchong-Klang Lama sejauh lebih 30 km dan dianggarkan berharga lebih RM400 juta.

"Kira-kira 265,000 kenderaan menggunakan jalan itu (Lebuhraya Persekutuan) di Petaling Jaya setiap hari yang menimbulkan banyak masalah," katanya.

Katanya, projek Jalan Puchong-Klang Lama akan diswastakan dan kerana itu perbincangan lebih mendalam perlu diadakan dengan pihak swasta mengenai kos sebenar, kadar tol dan tempoh untuk mereka mendapat balik pelaburan.

Samy Vellu berkata projek itu akan dimulakan dalam dua atau tiga bulan lagi dan dijangka siap dalam masa dua tahun.

Beliau berkata satu kajian juga akan dijalankan mengenai usaha pewajaran kutipan tol antara semua syarikat-syarikat yang berkenaan untuk mengurangkan masalah kepada pembayar.

Bagaimanapun beliau enggan mengulas lanjut mengenainya.

Ketika berucap sebelum itu, Samy Vellu berkata persimpangan bertingkat Bukit Beruntung yang mula dibina pada 20 Mac 1994 termasuk plaza dan terminal tol, pejabat polis, laluan motosikal dan tandas awam akan mempercepatkan pembangunan di kawasan itu dan daerah Hulu Selangor.

Beliau berkata lebih banyak syarikat swasta patut mencontohi langkah Europlus Berhad membina persimpangan dari Lebuhraya Utara Selatan ke kawasan pembangunan baru yang dimajukan. -- BERNAMA

MNY NMO

